

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
TANGAU [TUARAN]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, langkah-langkah terbaru yang telah dan akan diambil oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja Sabah (JTK Sabah) untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan adalah seperti berikut:-

- i) JTK Sabah telah memberi penekanan kepada sektor minyak dan gas (*oil & gas*) memandangkan sektor ini telah mendapat penawaran yang tinggi daripada syarikat industri minyak dan gas. JTK Sabah telah membantu mewujudkan usahasama antara syarikat dan pihak penyedia latihan yang melibatkan latihan-latihan berkaitan kemahiran di *offshore*. Antara syarikat yang telah menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) adalah *ECTC Academy* dengan Shahpadu Energy Services pada 22 Julai 2020 lalu yang melibatkan persetujuan pengambilan semua pelatih daripada institut latihan kemahiran tersebut untuk penempatan di syarikat Shahpadu Energy Services. Pada majlis pelancaran yang pertama,

SOALAN NO: 46

seramai 20 orang pelatih telah berjaya ditempatkan melalui usahasama ini;

- ii) Dalam sektor peruncitan, JTK Sabah telah mengadakan kerjasama dengan *Sabah Skills & Technology Centre (SSTC)* dan Lestari Consultancy Professional Sdn. Bhd. dalam menyediakan sebanyak 300 peluang pekerjaan di sektor peruncitan. Sebanyak 25 program temuduga telah diadakan di 16 Pejabat Tenaga Kerja Sabah bagi memastikan peluang pekerjaan ini sampai kepada golongan pencari kerja.

Program berkonsepkan '*Train and Place*' ini merupakan satu program yang berkesan dalam usaha memastikan pencari kerja diberi peluang sepenuhnya termasuk pencari kerja yang tidak mempunyai pengalaman.

Program ini telah dijalankan pada bulan Julai dan Ogos 2020. Manakala untuk bulan September, program ini tertumpu kepada program Karnival Kerjaya di lima (5) daerah iaitu Kinabatangan, Libaran, Kota Kinabalu, Keningau dan Ranau; **dan**

- iii) Sukacita dimaklumkan bahawa melalui *Sabah Labour Ordinance (SLO)*, mana-mana majikan yang berhasrat untuk memberhentikan pekerja, wajib melaporkan kepada JTK Sabah 30 hari sebelum pemberhentian pekerja dilaksanakan. Melalui tindakan ini, semua pekerja yang diberhentikan juga telah disalurkan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk mendapatkan faedah-faedah di bawah Sistem Insurans Pekerja (SIP) di samping penawaran kerja melalui portal *MYFutureJobs*.

Tuan Yang Di-pertua,

2. Selain daripada program tersebut, KSM juga telah mengadakan program-program lain di bawah agensi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan PERKESO.

Sekian, terima kasih.